

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 11

### 60 perpustakaan desa jadi pusat pendaftaran tambahan PADU

#### 60 perpustakaan desa jadi pusat pendaftaran tambahan PADU

**PUTRAJAYA -** Sebanyak 60 perpustakaan desa telah dijadikan sebagai pusat pendaftaran tambahan untuk Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

**K e t u a Perangkawan** Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, ia merupakan usaha Jabatan Perangkaan (DOSM) menjalin kerjasama strategik dengan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi menambah kaunter fizikal dalam menggalakkan lebih ramai rakyat berdaftar dengan PADU.

"Sebanyak 60 perpustakaan desa adalah sebagai pusat pendaftaran tambahan untuk PADU di samping lebih 900 Pusat Ekonomi Digital (PEDi), Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

"Pendaftaran PADU akan dibuka hingga 31 Mac 2024. Rakyat Malaysia dinasihatkan agar tidak melaksanakan pengemaskinian PADU pada saat-saat akhir kerana ia akan mengakibatkan kesesakan pada sistem," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Bagi membantu pengemaskinian secara kendiri, orang ramai boleh menghubungi talian **hotline 1-800-88-7720 / 21** yang beroperasi bermula pada jam 8 pagi hingga 9 malam setiap hari.

Sebarang maklum balas, aduan, penghargaan, pertanyaan dan cadangan penambahbaikan berkenaan sistem serta mekanisme pelaksanaan PADU yang dilancarkan pada 2 Januari lepas, boleh disalurkan kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) PADU <https://padu.spab.gov.my>. - Bernama